- 6.2.7 any pre-existing, or recurring, injury or disablement which the Insured suffered prior to Issue Date; or
- 6.2.8 participation in hazardous activities like boxing, skiing, wrestling, diving, mountaineering, rappelling, river rafting, rapid shooting, any form of racing other than on foot, or any speed or endurance contest.

**6.3 TPD**

We will not be liable to pay any benefit under this Policy for TPD of the Insured which has existed on the Issue Date, or which is resulting directly or indirectly from any of the following causes:

- 6.3.1 suicide, attempted suicide or self-inflicted injuries, while sane or insane;
- 6.3.2 any act due to war, declared or not;
- 6.3.3 military, naval or air service for any country at war (whether declared or not);
- 6.3.4 pre-existing physical or mental defect or infirmity;
- 6.3.5 travel or flight in any aircraft, except as a fare-paying passenger on a public licensed air service operating on a regular scheduled route;
- 6.3.6 participation in hazardous activities like boxing, skiing, wrestling, diving, mountaineering, rappelling, river rafting, rapid shooting, any form of racing other than on foot, or any speed or endurance contest;
- 6.3.7 alcoholic intoxication;
- 6.3.8 narcotic or drug unless taken as prescribed by a qualified doctor or physician or surgeon; or
- 6.3.9 violation or attempted violation of the law or resistance to arrest.

*"The rest of this page is intentionally left blank"*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## 1. DEFINISI

Dalam Polisi ini di mana konteks menyatakan jantina maskulin akan dianggap termasuk feminin, dan begitu juga, perkataan tunggal akan dianggap termasuk jamak dan sebaliknya, dan kata-kata dan ungkapan berikut hendaklah dianggap mempunyai erti yang berikut:

- 1.1 **“Anda”** atau **“Pemilik”** merujuk kepada Pemilik Polisi yang dinamakan dalam permohonan sehingga nama itu diubah. Pemilik mungkin berbeza daripada Orang yang Diinsuranskan.
- 1.2 **“Kami”** atau **“Syarikat”** merujuk kepada GENERALI LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD di pejabat berdaftar di Kuala Lumpur, Malaysia.
- 1.3 **“Kemalangan”** bermaksud keadaan mengejut yang tidak disengajakan, tidak dijangka, tidak biasa dan khusus yang berlaku pada masa dan tempat yang boleh dikenalpasti, dengan tidak dipaksa oleh apa-apa sebab lain, menjadi punca utama Kecederaan.
- 1.4 **“Umur”** bermaksud Umur semasa hari lahir yang lepas.
- 1.5 **“Premium Asas”** bermaksud premium bagi pelan asas dan ditunjuk di dalam Jadual Polisi.
- 1.6 **“Jumlah Asas Diinsuranskan”** bermaksud jumlah diinsuranskan untuk pelan asas dan ditunjukkan di dalam Jadual Polisi bagi Polisi ini atau apa-apa endorsemen seterusnya yang dikeluarkan oleh Kami.
- 1.7 **“Pejabat Syarikat”** bermaksud Jabatan Perkhidmatan Syarikat yang terletak di ibu pejabatnya, atau seperti yang ditentukan oleh Syarikat dari semasa ke semasa.
- 1.8 **“Prosid Kematian”** bermaksud jumlah manfaat kematian untuk pelan asas seperti yang ditetapkan menurut Provisi Manfaat Kematian dan manfaat yang bayar kepada Penama berkenaan dengan kematian Orang yang Diinsuranskan.
- 1.9 **“Keberhutangan”** bermaksud apa-apa jumlah terhutang kepada Syarikat termasuk tetapi tidak terhad kepada Premium Asas terhutang yang belum dibayar, sebarang pinjaman dan faedah pinjaman.
- 1.10 **“Kecederaan”** bermaksud kecederaan anggota badan yang disebabkan semata-mata oleh Kemalangan sahaja.
- 1.11 **“Orang yang Diinsuranskan”** bermaksud hayat diinsuranskan di bawah Polisi ini dan dinamakan di dalam Jadual Polisi.
- 1.12 **“Tarikh Dikeluarkan”** bermaksud tarikh Kami mengeluarkan Polisi ini seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Polisi, atau sebarang tambahan atau endorsemen yang dilampirkan seperti yang ditetapkan di dalam tambahan atau endorsemen itu. Ia merujuk kepada bulan, hari, dan tahun Polisi ini dan sebarang tambahan atau endorsemen mula berkuatkuasa.
- 1.13 **“Tarikh Luput”** bermaksud tarikh Polisi ini luput dan ditunjukkan dalam Jadual Polisi.
- 1.14 **“Pengamal Perubatan”** bermaksud seorang doktor berdaftar yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang, dalam memberikan rawatan sedemikian, mengamalkan mengikut skop pelesenan dan latihannya dalam kawasan geografi profesion tersebut diamalkan, tetapi tidak termasuk Pengamal Perubatan yang merupakan Pemilik/Orang yang Diinsuranskan, atau pasangan Pemilik / Orang yang Diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarga terdekat Pemilik / Orang yang Diinsuranskan.
- 1.15 **“MYR”** bermaksud mata wang Malaysia (iaitu Ringgit Malaysia (RM) ) dan digunakan silih berganti dengan RM.
- 1.16 **“Penama”** bermaksud orang yang dinamakan dalam rekod Kami di Pejabat Syarikat untuk menerima Prosid Kematian setelah kematian Orang yang Diinsuranskan.
- 1.17 **“Ulang Tahun Polisi”** bermaksud hari dan bulan yang sama setiap tahun seperti Tarikh Polisi.
- 1.18 **“Tarikh Polisi”** bermaksud Tarikh Polisi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Polisi.
- 1.19 **“Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal”** atau **“TPD”** bermaksud hilang upaya yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan akibat kecederaan anggota badan atau penyakit yang:
  - (a) bermula selepas Tarikh Polisi Dikeluarkan tetapi sebelum Ulang Tahun Polisi dan pada atau selepas hari lahir Orang yang Diinsuranskan yang ke-70; dan
  - (b) menghalang Orang yang Diinsuranskan daripada terlibat dalam apa-apa pekerjaan atau menjalankan apa-apa kerja untuk mendapatkan pampasan atau keuntungan, pada ketika itu atau bila-bila masa pada masa hadapan; dan
  - (c) telah sedia ada secara berterusan sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan.



Hilang penglihatan kedua-dua belah mata secara menyeluruh dan tidak dapat pulih, atau hilang penggunaan kedua-dua belah tangan atau kedua-dua belah kaki, atau satu (1) tangan dan satu (1) kaki juga akan dipertimbangkan sebagai Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, walaupun Orang yang Diinsuranskan itu terlibat dalam pekerjaan atau menjalankan kerja untuk mendapatkan pampasan atau keuntungan.

Jika Orang yang Diinsuranskan ialah seorang pelajar, ungkapan “terlibat dalam apa-apa pekerjaan” bermaksud menghadiri kelas di luar selain di rumah.

Jika Orang yang Diinsuranskan berumur kurang daripada enam belas (16) tahun dan menurut pendapat dua (2) Pengamal Perubatan yang Kami luluskan, hilang upaya bagi Orang yang Diinsuranskan itu disebabkan oleh kemalangan, sakit atau penyakit dan:

- (a) Orang yang Diinsuranskan sentiasa memerlukan penjagaan dan perhatian; dan
- (b) Orang yang Diinsuranskan terlantar di rumah di bawah penyeliaan perubatan atau di hospital atau di institusi yang serupa; dan
- (c) hilang upaya itu berterusan, dijangka kekal, dan telah berlanjutan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan.

## **2. PERUNTUKAN AM**

### **2.1 KONTRAK**

Polisi ini dikeluarkan dengan mengambil kira bayaran Premium Asas seperti yang ditetapkan dalam Jadual Polisi dan menurut jawapan yang diberikan oleh Anda dan/atau Orang yang Diinsuranskan dalam borang cadangan Anda atau apa-apa soal selidik berikutnya yang diberikan oleh Kami berkenaan apa-apa perkara berhubung cadangan Anda dan apa-apa pendedahan yang dibuat oleh Anda untuk menyertai kontrak insurans ini (secara kolektif dirujuk sebagai “maklumat material”).

Maklumat material itu hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara Kami dan Anda. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku apa-apa salah nyata pra-kontrak yang dibuat berkaitan maklumat material tersebut, hanya remedi dalam Jadual 9 daripada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang akan berkuatkuasa.

Sekiranya Anda dikehendaki oleh Kami, sebelum Polisi diperbaharui atau diubah, untuk menjawab apa-apa soalan atau sekiranya Anda dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang sebelum ini dinyatakan oleh Anda kepada Kami berkaitan Polisi ini, ia adalah tanggungjawab Anda untuk mengambil tindakan penjagaan yang munasabah supaya tidak membuat sebarang salah nyata apabila menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda sebarang perkara yang telah dinyatakan sebelum ini.

Ini adalah polisi tanpa menyertaan. Polisi ini termasuklah semua helaihan muka surat, lampiran salinan borang cadangan, Jadual Polisi dan apa-apa lampiran endorsemen atau tambahan dengan syarat nama dan nombor borang untuk endorsemen atau tambahan tersebut adalah tersenarai dalam Jadual Polisi dan hendaklah meliputi keseluruhan kontrak antara Anda dan Kami.

Kontrak ini tidak boleh diubah selepas Polisi ini dikeluarkan tanpa persetujuan Anda dan persetujuan kami, kecuali bahawa Syarikat boleh, tanpa persetujuan Anda, meminda Polisi ini mengikut keperluan undang-undang.

Polisi ini dikawal oleh undang-undang Malaysia dan pihak berwajib bersetuju untuk berada di bawah bidang kuasa khusus mahkamah Malaysia.

### **2.2 TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN**

Kecuali berlaku penipuan, atau tidak membayar premium, Kami tidak akan mempertikaikan kesahihan Polisi ini selepas ia berkuatkuasa semasa hayat Orang yang Diinsuranskan selama 2 tahun bermula dari Tarikh Dikeluarkan. Walau bagaimanapun, sekiranya Kami boleh menunjukkan berlakunya penindasan maklumat material atau kenyataan oleh Anda dan/atau Orang yang Diinsuranskan terhadap perkara yang material adalah tidak tepat, palsu, mengelirukan atau dibuat dengan tujuan penipuan atau tidak dimasukkan dengan sengaja, Kami berhak membatalkan Polisi ini sewajarnya.

Di mana Polisi ini telah berkuat kuasa sepanjang hayat yang Diinsuranskan selama 2 tahun atau kurang dari Tarikh Dikeluarkan, Kami boleh membatalkan Polisi ini dan menolak semua tuntutan jika salah nyata didapati sengaja atau melulu.

Jika salah nyata adalah cuai atau tidak bersalah, Kami boleh dengan budi bicara mutlak Kami:

- (a) Membatalkan Polisi ini dan menolak semua tuntutan, di mana Kami akan membayar balik semua premium yang telah dibayar. Bayaran ini hendaklah menjadi pelepasan sah sepenuhnya daripada mana-mana liabiliti Kami di bawah Polisi ini; atau
- (b) Mengambil apa-apa remedi yang perlu mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Fasal ini tidak digunapakai untuk mana-mana tambahan yang melibatkan manfaat hilang upaya, kemalangan, penyakit utama, perubatan atau hospital.

**2.3 SALAH NYATA UMUR ATAU JANTINA**

Tertakluk kepada hak Kami dalam kes penipuan, sekiranya umur atau jantina Orang yang Diinsuranskan telah disalahnyatakan, manfaat, premium dan terma perlindungan di bawah Polisi ini akan dipinda mengikut Umur dan jantina sebenar.

- (a) Jika Umur Orang yang Diinsuranskan terkurang nilai, Syarikat akan membayar Jumlah Asas Diinsuranskan yang dapat dibeli oleh premium yang sama berdasarkan kadar pada Umur sebenar, dan bukan Jumlah Asas Diinsuranskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Polisi atau mana-mana endorsemen berikutnya yang dikeluarkan oleh Syarikat.
- (b) Jika Umur Orang yang Diinsuranskan terlebih nilai, Syarikat akan membayar kembali lebih premium yang dibayar tanpa Faedah.
- (c) Jika Orang yang Diinsuranskan tidak boleh diinsuranskan di bawah Polisi ini berdasarkan syarat-syarat Syarikat, Polisi ini (termasuk mana-mana lampiran endorsemen dan tambahan) akan terbatal dari Tarikh Polisi dan semua premium yang dibayar tanpa faedah akan dipulangkan.

Bukti Umur Orang yang Diinsuranskan adalah dikehendaki sebelum bayaran apa-apa manfaat dibuat di bawah Polisi ini.

**2.4 TANPA PENYERTAAN**

Ini adalah Polisi tanpa penyertaan dan tidak berhak untuk mengambil bahagian dalam pengagihan lebih daripada Kami.

**2.5 PENAMATAN**

Polisi ini akan tamat secara automatik apabila salah satu daripada yang berikut berlaku:

- (a) apabila Polisi ini diserahkan; atau
- (b) apabila kematian Orang yang Diinsuranskan; atau
- (c) apabila berlaku tuntutan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal; atau
- (d) apabila Polisi ini lupus, tamat tempoh, diserahkan atau ditamatkan dengan sebarang cara.

Sebaik berlaku penamatan, Polisi ini tidak lagi berkuatkuasa. Sebarang premium yang dibayar atau diterima selepas pembatalan Polisi ini hendaklah tidak mewujudkan mana-mana liabiliti tetapi Kami akan memulangkan bayaran apa-apa premium kepada Anda tanpa mengenakan faedah.

**2.6 BEBAS TANPA SEKATAN**

Polisi ini tidak mengandungi sekatan terhadap tempat kediaman, perjalanan atau pekerjaan Orang yang Diinsuranskan.

**2.7 NOTIS**

Sebarang notis yang akan diberikan kepada Anda di bawah Polisi ini akan dihantar kepada Anda melalui alamat emel yang telah Anda daftar semasa permohonan Anda atau telah diminta untuk menukar seperti yang berada dalam rekod Kami di Pejabat Syarikat. Apa-apa notis akan berkuatkuasa dari masa notis tersebut dihantar. Sekiranya notis tersebut dikembalikan tanpa dikirimkan kepada Anda, pihak Syarikat boleh, dengan budi bicara mutlak Kami, atas risiko Anda sendiri, menahan semua notis berikutnya sehingga Anda memaklumkan Syarikat alamat emel baru Anda.

Setiap notis atau komunikasi dengan Kami hendaklah secara bertulis dan dihantar kepada Kami di alamat emel Kami yang berdaftar.

**2.8 PEMBATALAN DALAM TEMPOH BERTENANG**

Jika Anda tidak berpuas hati dengan Polisi ini untuk sebarang sebab, Anda boleh mengembalikannya kepada Kami dengan menghantar satu emel kepada Kami untuk memohon pembatalan kepada Pejabat Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Anda menerima Polisi ini. Kami akan membatalkan Polisi ini dan membayar balik premium yang Anda telah dibayar. Walau bagaimanapun, tiada bayaran balik akan dibuat apabila tuntutan telah dibuat.

**2.9 TEMPOH TANGGUH**

Anda dibenarkan dalam tempoh tangguh selama tiga puluh satu (31) hari dari setiap tarikh bayaran premium untuk Anda bayar. Jika premium masih tidak dibayar selepas tempoh tangguh, Polisi ini akan lupus.

Sebarang Keberhutangan dan premium yang belum dibayar akan ditolak daripada Prosid Kematian dan manfaat lain yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

**2.10 PROSEDUR TUNTUTAN**

**(a) Notis tuntutan**

Kami mestilah dimaklumkan secara bertulis tentang tuntutan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh insiden pertama berlaku. Sekiranya pihak Kami tidak menerima notis tersebut dalam tempoh yang ditentukan, bukti yang jelas menunjukkan notis diserahkan kepada Kami dengan secepat mungkin hendaklah ditunjukkan sehingga tahap yang memuaskan Kami. Jika tidak, Kami tidak akan membayar sebarang manfaat.

**(b) Bukti tuntutan**

(i) Kecuali untuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal yang dinyatakan di bawah, Kami mestilah menerima bukti sewajarnya, di atas perbelanjaan pihak menuntut, sebelum manfaat ini boleh dibayar. Bukti yang sewajarnya hendaklah diterima dalam borang yang Kami tetapkan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh insiden pertama berlaku. Kami mungkin memerlukan Orang yang Diinsuranskan diperiksa oleh Pengamal Perubatan pilihan Kami dan Kami mungkin memerlukan Orang yang Diinsuranskan untuk menjalani pemeriksaan makmal yang berkaitan.

(ii) Bukti Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal – Kami mestilah menerima bukti sewajarnya, di atas perbelanjaan pihak menuntut bahawa Orang yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sepanjang hayat Orang yang Diinsuranskan dan dalam tempoh Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal. Kami mungkin memerlukan Orang yang Diinsuranskan diperiksa oleh Pengamal Perubatan pilihan Kami.

**2.11 SUMBER DANA: TIADA PENGUBAHAN WANG; TIADA PENGELAKAN CUKAI**

Pemilik menjamin dan mengesahkan kepada Syarikat bahawa

- (a) semua nilai yang dilaburkan dalam Polisi ini telah diisytiharkan atau akan diisytiharkan kepada badan penguatkuasa cukai berkaitan di kawasan undang-undang cukai tempat tinggal Pemilik dan/atau apa-apa bidang kuasa yang perlu atau wajar menurut undang-undang dan peraturan yang dapat digunakan, dan
- (b) tiada dana yang datang daripada, secara langsung atau tidak langsung, kegiatan haram atau sumber dan/atau pengelakan cukai.

**2.12 SALAH-NYATAAN MAKLUMAT; HAK SYARIKAT UNTUK MEMBATALKAN POLISI DAN MENGENAKAN CAJ SERAHAN; HAK UNTUK MEMBEKUKAN BAYARAN BALIK**

Pemilik mengakui bahawa jika berlakunya salah-nyataan maklumat dan jaminan yang terdahulu oleh Pemilik, Pemilik dengan ini mengakui dengan jelas dan bersetuju bahawa Syarikat wajib, sehingga yang diizinkan oleh undang-undang dan peraturan yang dapat digunakan, berhak untuk:

- (a) menamatkan Polisi dengan segera;
- (b) tanpa mengambil kira tarikh sebenar penamatan polisi berdasarkan klausa 2.12(a) di atas, mengenakan caj serahan maksimum dan apa-apa caj lain yang boleh dikenakan ke atas Pemilik di bawah Polisi ini, seolah-olah Polisi ini telah diserahkan serta-merta selepas ianya dikeluarkan, dan
- (c) memberi notis kepada badan kerajaan yang berkenaan dan memberi semua maklumat yang dianggap perlu atau sesuai, di bawah budi bicara Syarikat Insurans mengenai Pemilik dan/atau Polisi dan
- (d) sekiranya dianggap wajar selepas perundingan bersama para pegawai kerajaan dan penasihat undang-undang, sama ada
  - (i) mengembalikan premium yang dibayar ditolak daripadanya perbelanjaan perubahan yang mungkin telah dikeluarkan nilai serahan jikalau ada dan caj-caj lain yang berkaitan dengan klausa 2.12(b) di atas "Nilai Pulangan") atau
  - (ii) jika diminta atau dikehendaki oleh badan kerajaan yang berkenaan, dibekukan atau dibayar kepada badan kerajaan yang berkenaan, semua atau sebahagian daripada Nilai Pulangan atau mengambil tindakan lain sepertimana yang diarah atau diminta oleh badan kerajaan yang berkenaan.

**2.13 KLAUSA SEKATAN**

Tiada syarikat insurans akan dianggap menyediakan perlindungan dan tiada syarikat insurans akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberi apa-apa manfaat sehingga tahap peruntukan untuk perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan tersebut atau penyediaan manfaat tersebut yang akan mendedahkan syarikat insurans kepada sebarang sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat atau mana-mana penguatkuasaan undang-undang di mana-mana negara.

**2.14 CUKAI**

Syarikat berhak mengenakan cukai seperti yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia.

**2.15 DASAR KERJASAMA DI ANTARA LEMBAGA HASIL DAN BADAN-BADAN KERAJAAN LAIN; KEIZINAN UNTUK MENDEDAHKAN MAKLUMAT KEPADA LEMBAGA HASIL DAN BADAN-BADAN KERAJAAN LAIN**

Kumpulan Generali dan Syarikat telah berpegang lama kepada dasar bekerjasama dengan Lembaga Hasil dan lain-lain badan kerajaan dalam membanteras pengubahan wang haram, pengelakan cukai atau kegiatan haram yang lain. Dalam kes di mana Pemilik tidak tertakluk kepada pembayaran cukai penduduk di negara kontrak Polisi ini dikeluarkan (iaitu "Transaksi Melintasi Sempadan"), Kumpulan Generali mungkin akan memberitahu negara asal Pemilik bagi penjelasan cukai dan/atau lain-lain badan kerajaan akan identiti Pemilik dan lain-lain maklumat tertentu berkaitan Polisi ini dan Pemilik dengan ini memberi keizinan dan bersetuju bahawa Syarikat mungkin, dengan budi bicaranya, membuat pendedahan tersebut.

**2.16 PENEPIAN**

Tiada kegagalan atau kelewatan di pihak Syarikat dalam menjalankan apa-apa hak atau kuasa di bawah kontrak ini boleh beroperasi sebagai penepiannya, atau sebarang tindakan dalam menjalankan apa-apa hak atau kuasa dapat menghalang apa-apa hak atau kuasa lain.

**2.17 PEMILIKAN POLISI**

Anda boleh melaksanakan semua hak dan keistimewaan Polisi ini semasa Orang yang Diinsuranskan masih hidup, tanpa mana-mana kebenaran Penama boleh batal. Anda boleh menukar Pemilik Polisi ini. Sebarang pertukaran Pemilik Polisi ini memerlukan notis bertulis yang memuaskan menggunakan borang yang Kami tetapkan untuk dihantar kepada Kami di Pejabat Kami. Perubahan itu hanya sah jika permohonan itu bertarikh dan ditandatangani oleh Kami di Pejabat Kami semasa hayat Orang yang Diinsuranskan Polisi ini masih berkuatkuasa dan permohonan itu diendoskan sewajarnya dalam Polisi ini. Kami tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa bayaran yang Kami lakukan atau tindakan lain yang Kami ambil sebelum Kami memberi tarikh dan menandatangani permohonan tersebut.

**2.18 PENYERAHAN HAK**

Anda boleh menyerahkan hak Polisi ini. Sebarang penyerahan Polisi memerlukan notis bertulis yang memuaskan melalui borang yang Kami tetapkan untuk dihantar ke Pejabat Kami. Kami tidak bertanggungjawab atas pengesahan atau penguatkuasaan daripada penyerahan ini. Kepentingan ke atas mana-mana Penama boleh batal adalah tertakluk pada terma penyerahan hak ini. Hak dan keistimewaan Anda juga adalah tertakluk pada terma penyerahan hak. Kami tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa penyerahan hak yang diketahui dan apa-apa bayaran yang Kami buat atau tindakan lain yang Kami ambil sebelum menulis tarikh dan menandatangani notis di Pejabat Kami.

**2.19 PENAMA**

Sekiranya Pemilik adalah Orang yang Diinsuranskan dan telah mencapai Umur enam belas (16) tahun, Pemilik boleh menamakan orang sebenar untuk menerima wang Polisi yang boleh dibayar apabila kematiannya di bawah Polisi ini dengan memberi notis kepada Kami melalui borang yang Kami tetapkan untuk dihantar ke Pejabat Syarikat, dengan memberikan maklumat nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan alamat Penama. Hal ini boleh berkuatkuasa:

- (a) apabila Polisi ini dikeluarkan, atau
- (b) selepas Polisi ini dikeluarkan, bersama dengan Polisi ini untuk endorsemen Syarikat berkenaan penamaan Polisi.



Penama Anda hendaklah menerima wang Polisi sebagai pelaksana atau wasi tetapi bukan sebagai benefisari kecuali Anda menyerahkan hak Polisi Anda kepada Penama Anda. Walau bagaimanapun, Anda tidak perlu menyerahkan hak Polisi ini kepada Penama Anda jika Penama merupakan suami/isteri atau anak Anda atau, jika Anda tidak mempunyai suami/isteri atau anak pada masa Anda membuat penamaan Anda, ibu/bapa Anda. Jika Anda Pemilik yang beragama Islam, Penama Anda hendaklah menerima wang Polisi hanya sebagai pelaksana atau wasi, yang akan mengagihkan wang Polisi menurut undang-undang agama Islam.

Anda boleh menukar Penama Polisi ini. Sebarang pertukaran Penama Polisi ini memerlukan notis bertulis yang memuatkan menggunakan borang yang Kami tetapkan untuk dihantar kepada Kami di Pejabat Kami. Perubahan itu hanya sah jika notis tersebut diberi tarikh dan ditandatangani oleh Kami di Pejabat Kami semasa hayat yang Diinsuranskan ketika Polisi masih berkuatkuasa. Kami tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa bayaran yang Kami buat atau tindakan lain yang Kami ambil sebelum Kami memberi tarikh dan menandatangani notis di Pejabat Kami.

Tertakluk pada peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (yang hendaklah termasuk apa-apa pindaan atau enakmen berikutnya), penamaan Anda akan terbatal apabila:-

- (a) kematian Penama Anda, atau jika terdapat lebih dari satu (1) Penama, kematian kesemua Penama, semasa hayat Anda; atau
- (b) penerimaan notis pembatalan secara bertulis daripada Anda kepada Kami; atau
- (c) penerimaan apa-apa notis penamaan berikutnya secara bertulis daripada Anda kepada Kami.

Sekiranya Anda telah melantik seorang pemegang amanah untuk Polisi Anda, Anda perlu mendapatkan kebenaran pemegang amanah sebelum membatalkan penamaan di bawah Polisi ini. Hak-hak mana-mana pemegang amanah di bawah penyerahan hak atau bebanan yang dilampirkan pada Polisi ini hendaklah mempunyai keutamaan ke atas kepentingan atau tuntutan Penama Anda.

Kami akan membayar Prosid Kematian dan manfaat legasi kepada orang yang menguruskan harta pusaka Anda sekiranya:

- (a) tiada Penama dinamakan; atau
  - (b) Penama meninggal dunia sebelum kematian Orang yang Diinsuranskan; atau
  - (c) Penama meninggal dunia pada masa yang sama atau dalam tempoh sepuluh (10) hari selepas kematian Orang yang Diinsuranskan.
- tertakluk pada terma Polisi ini apabila Kami menerima bukti tuntutan bahawa Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia semasa Polisi ini sedang berkuatkuasa.

Pengeluaran resit untuk apa-apa jumlah yang boleh dibayar di bawah Polisi ini oleh Kami, ditandatangani oleh Penama, Orang yang Diinsuranskan, Anda atau Pelaksana Anda atau pentadbir, akan menjadi pelepasan bagi Kami bagi perkara yang sama. Resit berkenaan akan menjadi bukti akhir dan konklusif bahawa jumlah berkenaan telah diterima sewajarnya oleh orang yang layak atas perkara yang sama dan semua tuntutan dan apa-apa permintaan terhadap Kami berhubung dengan jumlah tersebut telah dipenuhi sepenuhnya.

### **3. KETERANGAN PREMIUM**

Anda harus membayar premium yang ditetapkan di dalam Jadual Polisi atau di notis pembaharuan yang dikeluarkan oleh Kami bermula daripada Tarikh Polisi sehingga dan termasuk tarikh tamat tempoh sebaik sebelum Tarikh Luput. Semua premium perlu dibayar terlebih dahulu pada atau sebelum tarikh tamat tempoh berdasarkan Jumlah Asas Diinsuranskan, umur dicapai, jantina dan status merokok Orang yang Diinsuranskan.

Kadar premium adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menukar kadar premium pada masa depan dengan memberikan Anda notis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari dari masa ia berkuatkuasa. Kadar premium yang ditukar hanya akan dipakai pada Ulang Tahun Polisi seterusnya.

### **4. OPSYEN POLISI**

Apabila Polisi ini masih berkuatkuasa, Anda boleh memohon mana-mana opsyen yang di bawah, tertakluk kepada kelulusan Kami dengan menghantar permohonan Anda dan dokumen lain yang ditetapkan oleh Kami untuk memenuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan termasuk yang Kami mungkin mengenakan atau menyepak dari semasa ke semasa:

#### **4.1 MENAMBAH / MENGURANGKAN JUMLAH ASAS DIINSURANSKAN**

Penambahan Jumlah Asas Diinsuranskan adalah tidak dibenarkan. Akan tetapi, Anda boleh memohon dengan Kami untuk mengurangkan Jumlah Asas Diinsuranskan pada bila-bila masa selepas Tarikh Dikeluarkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Sebarang pengurangan Jumlah Asas Diinsuranskan akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Polisi seterusnya; dan
- (b) Semua manfaat akan dikira balik berdasarkan Jumlah Asas Diinsuranskan yang ditukar selepas Kami meluluskan dan menandatangani permohonan Anda untuk menukar Jumlah Asas Diinsuranskan di Pejabat Kami; dan
- (c) Jumlah Asas Diinsuranskan mestilah sekurang-kurangnya beraamaan dengan minimum Jumlah Asas Diinsuranskan yang ditentukan oleh Kami pada masa itu; dan
- (d) Premium selepas penyalarsan Jumlah Asas Diinsuranskan mestilah sekurang-kurangnya minimum premium yang ditentukan oleh Kami pada masa itu; dan
- (e) Sebarang terma-terma an syarat-syarat yang ditetapkan oleh Syarikat pada masa Jumlah Asas Diinsuranskan ditukar.

#### **4.2 PENYERAHAN**

Anda boleh menyerahkan Polisi ini kepada Kami. Akan tetapi, tiada nilai tunai akan dibayar apabila penyerahan. Sebaik sahaja diserahkan, Polisi ini ditamatkan dan semua manfaat di bawah Polisi ini akan berhenti.

## 5. PROVISI MANFAAT

Apabila Polisi ini masih berkuatkuasa tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat, Kami akan memberi manfaat-manfaat di bawah Polisi ini apabila berlaku perkara berikut:

### 5.1 **KEMATIAN**

Sekiranya kematian Orang yang Diinsuranskan disebabkan oleh semua sebab, 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan ditolak sebarang Keterhutangan dalam satu jumlah sekaligus. Polisi akan ditamatkan kemudiannya. Apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia, 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan pada masa insiden tolak dengan Keberhutangan akan dibayar secara sekaligus. Apabila kematian Orang yang Diinsuranskan disebabkan oleh Kemalangan sebelum Umur enam puluh lima (65) tahun, tambahan 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan, tertakluk kepada maksimum MYR2,000,000 setiap hayat, akan dibayar.

Dengan syarat bahawa Kami menerima pemberitahuan kematian yang disertai dengan bukti dokumentari mengenai kematian.

Polisi ini akan ditamatkan apabila pemberitahuan kematian dan semua manfaat dan hak di bawah Polisi ini akan berhenti kecuali amaun yang dibayar di bawah klausa 5.1 di atas dan provisi lain yang dilampirkan kepada Polisi ini untuk bayaran manfaat apabila kematian Orang yang Diinsuranskan.

### 5.2 **TPD**

Jika Orang yang Diinsuranskan mengalami TPD sebelum Ulang Tahun Polisi pada atau berikutan hari lahir Orang yang Diinsuranskan yang ke-70, Syarikat akan mempercepatkan bayaran manfaat kematian apabila pengesahan bahawa Orang yang Diinsuranskan mengalami TPD diterima. Manfaat TPD adalah bersamaan dengan Jumlah Asas Diinsuranskan pada masa insiden, tertakluk kepada maksimum MYR 4,000,000 setiap hayat.

- 5.2.1 Jika manfaat TPD di bawah hayat yang sama adalah kurang daripada atau bersamaan dengan MYR 1,500,000, jumlah amaun untuk hayat yang sama akan dibayar secara sekaligus.
- 5.2.2 Jika manfaat TPD di bawah hayat yang sama adalah:
  - (i) lebih daripada MYR 1,500,000, tetapi kurang daripada atau bersamaan dengan MYR 4,000,000, jumlah yang dibayar untuk hayat yang sama hendaklah dibayar secara sekaligus sebanyak MYR 1,500,000; dan baki manfaat TPD akan dibayar selama 12 bulan selepas tarikh pertama bayaran secara sekaligus dan dengan syarat TPD telah wujud secara berterusan; atau
  - (ii) lebih daripada MYR 4,000,000, maksimum manfaat TPD sebanyak MYR 4,000,000 akan dibayar berdasarkan kepada 5.2.2(i) seperti di atas.

Selepas bayaran manfaat TPD, Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan dengan manfaat TPD yang telah dibayar di bawah Polisi ini. Premium yang dibayar di bawah Polisi ini dan manfaat-manfaat lain akan diselaraskan dengan sewajarnya berdasarkan Jumlah Asas Diinsuranskan yang telah dikurangkan.

Jika ada manfaat tambahan yang dilampirkan bersama Polisi ini, maka manfaat tambahan ini akan dianggap berkuatkuasa sehingga tuntutan dibuat ke atasnya. Terma dan syarat yang tertera di kontrak manfaat tambahan akan diguna pakai. Apabila berlakunya kematian Orang yang Diinsuranskan, Kami akan membayar Jumlah Asas Diinsuranskan yang dikurangkan.

Dengan syarat bahawa Kami menerima bukti TPD yang memuaskan tentang Orang yang Diinsuranskan.

Polisi ini akan ditamatkan apabila berlaku tuntutan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal dan semua manfaat dan hak di bawah polisi ini akan berhenti kecuali bagi provisi lain yang dilampirkan kepada Polisi ini untuk bayaran manfaat apabila TPD Orang yang Diinsuranskan.

## 6. PENGECUALIAN

### 6.1 **KEMATIAN**

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Polisi ini untuk kematian Orang yang Diinsuranskan akibat bunuh diri, semasa siuman atau tidak siuman, pada tahun pertama dari Tarikh Dikeluarkan. Polisi ini akan dibatalkan dan Kami akan membayar balik kepada Anda jumlah premium yang telah dibayar dari Tarikh Dikeluarkan tanpa faedah.

### 6.2 **KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN**

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat kematian di bawah Polisi ini untuk Kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada sebab-sebab berikut:

- 6.2.1 bunuh diri, cubaan untuk bunuh diri atau kecederaan akibat mencederakan diri sendiri, ketika siuman atau tidak siuman;
- 6.2.2 penyakit atau jangkitan (kecuali jangkitan bakteria berlaku bersama atau kesan daripada kecederaan pada tubuh badan yang tidak disengajakan);
- 6.2.3 mengambil racun, dadah yang tidak dipreskripsikan oleh Pegamal Perbatan, alkohol, sedatif, atau menghidu gas (kecuali bahaya yang berkaitan dengan pekerjaan);
- 6.2.4 percubaan serangan atau perbuatan yang menyalahi undang-undang oleh orang yang Diinsuranskan;
- 6.2.5 sebarang perbuatan disebabkan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), tentera, tentera laut atau perkhidmatan udara untuk sebarang negara yang berperang (sama ada diisytiharkan atau tidak);
- 6.2.6 sebarang perbuatan akibat rusuhan dan kekecohan awam;
- 6.2.7 sebarang kecederaan atau kecacatan tersedia ada atau berulang-ulang yang dialami Orang yang Diinsuranskan sebelum Tarikh Dikeluarkan; atau
- 6.2.8 penglibatan dalam aktiviti bahaya seperti tinju, ski, gusti, selam, daki gunung, menakik turun tebing, arung jeram, tembak tubi, atau sebarang jenis pertandingan daya pecut atau ketahanan lasak.

6.3 TPD

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Polisi ini untuk TPD Orang yang Diinsuranskan yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan, atau yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada sebab-sebab berikut:

- 6.3.1 bunuh diri, cubaan untuk bunuh diri atau kecederaan akibat mencederakan diri sendiri, ketika siuman atau tidak siuman;
- 6.3.2 sebarang perbuatan disebabkan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak);
- 6.3.3 perkhidmatan tentera, tentera laut atau udara untuk mana-mana negara yang berperang (sama ada diisytiharkan atau tidak);
- 6.3.4 kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada;
- 6.3.5 perjalanan atau penerbangan dalam mana-mana pesawat, kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang pada perkhidmatan udara berlesen awam yang beroperasi pada laluan berjadual teratur; atau
- 6.3.6 mabuk alkohol;
- 6.3.7 narkotik atau dadah kecuali diambil sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor atau pakar bedah yang berkelayakan;
- 6.3.8 penglibatan dalam aktiviti bahaya seperti tinju, ski, gusti, selam, daki gunung, menakik turun tebing, arung jeram, tembak tubi, atau sebarang jenis pertandingan daya pecut atau ketahanan lasak; atau
- 6.3.9 pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau penentangan terhadap penangkapan.

*"Bahagian lain halaman ini sengaja dikosongkan"*

SAMPLE